

TERHAD



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019

**PRINSIP PERAKAUNAN
PROJEK
Kertas 3
Mac – Mei 2019**

3756/3

**PANDUAN PELAKSANAAN DAN PENILAIAN PROJEK
PRINSIP PERAKAUNAN**

Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Projek ini mengandungi 33 halaman bercetak

KANDUNGAN

HALAMAN

| | | |
|------|--|----|
| 1.0 | Pengenalan | 3 |
| 2.0 | Objektif Mata Pelajaran | 3 |
| 3.0 | Objektif Pentaksiran | 4 |
| 4.0 | Maklumat Am | 5 |
| 5.0 | Maklumat Kepada Calon | 5 |
| 6.0 | Maklumat Kepada Pentaksir Sekolah (Guru) | 6 |
| 7.0 | Elemen dan Aspek Yang Dinilai | 7 |
| 8.0 | Carta Alir Pentaksiran Terkawal (<i>Controlled Assessment</i>) | 8 |
| 9.0 | Kriteria Penilaian | 9 |
| 10.0 | Pengiraan skor Elemen dan Jumlah Skor Elemen | 24 |
| 11.0 | Pelaporan | 25 |
| | Lampiran: | |
| | Lampiran 1 : Jadual Pelaksanaan Tugas Projek | 26 |
| | Lampiran 2 : Perakuan Calon | 27 |
| | Lampiran 3 : Profil Perniagaan | 28 |
| | Lampiran 4 : Senarai Semak dan Penilaian Guru | 29 |
| | Lampiran 5 : Borang Pentaksiran Individu | 30 |
| | Lampiran 6 : Borang Rumusan Skor Tugas Projek | 33 |

MAKLUMAT TUGASAN PROJEK

1.0 PENGENALAN

Calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan dikehendaki melaksanakan tugas projek sebagai satu daripada keperluan persijilan. Tugas projek dalam konteks ini bermaksud satu kaedah pentaksiran berdasarkan hasil tugas calon yang menepati objektif pentaksiran seperti yang telah ditetapkan.

Tugas projek ini memberi peluang kepada calon untuk melalui dan mengalami pembelajaran dan pengajaran yang pelbagai. Bimbingan akan dijalankan oleh pentaksir sekolah (guru) dalam aspek pengajaran dan pembelajaran sepanjang tempoh pelaksanaan tugas yang ditetapkan. Hasil akhir tugas projek akan menjadi asas pentaksiran. Skor adalah bersandarkan kepada darjah penguasaan elemen dan kriteria pentaksiran yang ditetapkan. Guru dikehendaki mengemukakan skor tugas projek bagi setiap muridnya kepada Lembaga Peperiksaan (LP).

Pendedahan dan penguasaan kefahaman calon tentang seluruh proses kitaran perakaunan diterjemahkan melalui penghasilan tugas projek yang diintegrasikan dengan berbantuan komputer. Pengukuran sesuatu elemen adalah berdasarkan kepada kriteria tertentu mengikut piawaian di peringkat kebangsaan. Elemen-elemen pentaksiran mencakupi hampir keseluruhan aspek yang ada dalam perakaunan.

Buku ini mengandungi maklumat tugas projek yang mesti dilaksanakan oleh calon serta panduan pentaksiran tugas bagi guru. Maklumat dan arahan yang terkandung dalam buku ini telah dirancang dengan teliti bagi membolehkan tugas projek disempurnakan dalam tempoh 12 minggu dan mempunyai ruang masa yang mencukupi kepada guru untuk menilai hasil tugas projek calon secara berterusan.

2.0 OBJEKTIF MATA PELAJARAN

Objektif matapelajaran Prinsip Perakaunan adalah untuk membolehkan murid berupaya:

- 2.1 Menghuraikan konsep, prinsip, andaian dan kitaran perakaunan yang diamalkan dalam organisasi perniagaan dan bukan perniagaan;
- 2.2 Mengaplikasikan prinsip pengurusan tunai dalam penyediaan buku tunai, buku tunai runcit, penyata penyesuaian bank dan belanjawan tunai;
- 2.3 Mengaplikasi analisis kos-volum untung untuk membuat keputusan;
- 2.4 Membandingkan jenis pemilikan perniagaan daripada aspek perakaunan bagi milikan tunggal, perkongsian, syarikat, koperasi dan organisasi bukan perniagaan;
- 2.5 Menganalisis, mentafsir dan menilai prestasi kewangan sesebuah perniagaan menggunakan analisis nisbah;
- 2.6 Mempamer kemahiran berkomunikasi, kerja berkumpulan, pengurusan dan kepimpinan serta etika profesion perakaunan dalam melaksanakan aktiviti perakaunan;

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

- 2.7 Menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam bidang perakaunan secara efektif dan efisien; dan
- 2.8 Menyediakan satu set akaun mengikut kitaran perakaunan untuk perniagaan milikan tunggal, penyata kewangan untuk perniagaan perkongsian, kelab dan persatuan serta situasi rekod tak lengkap mengikut tatacara dan amalan perakaunan.

(Dipetik daripada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Prinsip Perakaunan 2016 – Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia)

3.0 OBJEKTIF PENTAKSIRAN

Objektif Pentaksiran (OP) Prinsip Perakaunan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

3.1 Mengingat dan Memahami

Mengukur pengetahuan dan kefahaman tentang konsep, fakta, prinsip, pengelasan akaun, kitaran, dokumen sumber serta konvensi perakaunan dalam penyediaan satu set akaun yang lengkap dan piawai bagi sesuatu organisasi perniagaan dan organisasi bukan perniagaan.

3.2 Kemahiran Mengaplikasi

Mengukur keupayaan menggunakan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran perakaunan tertentu dalam menghitung, merekod, menyedia dan melengkapkan maklumat perakaunan mengikut piawaian perakaunan sama ada dalam situasi lazim atau situasi baharu yang berkaitan dengan organisasi perniagaan dan organisasi bukan perniagaan.

3.3 Kemahiran Menganalisis

Mengukur keupayaan mencerakinkan data atau maklumat perakaunan daripada pelbagai sumber secara terperinci dan keupayaan menghubungkan kait data atau maklumat perakaunan secara menyeluruh dalam konteks organisasi perniagaan dan bukan organisasi perniagaan.

3.4 Kemahiran Menilai

Mengukur keupayaan membuat pertimbangan secara rasional, logik, kritis dan kreatif berkaitan dengan pelbagai isu atau masalah dalam persekitaran perakaunan yang kompleks dan bukan kompleks serta memilih satu alternatif penyelesaian terbaik berdasarkan bukti yang munasabah dalam organisasi perniagaan dan organisasi bukan perniagaan.

3.5 Kemahiran Komunikasi dan Penggunaan Teknologi Maklumat (TMK)

Mengukur keupayaan mengemukakan idea, saranan dan pendapat dalam kumpulan, interaksi harian dan dalam pembentangan. Mampu menggunakan perisian asas komputer yang bersesuaian dengan bidang perakaunan secara sistematik untuk merekod maklumat kewangan dan membuat rumusan serta pelaporan.

3.6 Nilai Murni dalam Perakaunan

Penghayatan nilai murni dan amalan etika perakaunan dalam penyediaan satu set akaun dalam organisasi perniagaan dan bukan organisasi perniagaan.

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

4.0 MAKLUMAT AM

- 4.1 Tugas projek ini hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 12 minggu (Penyiapan projek : 10 minggu, pengurusan dan penilaian: 2 minggu. Contoh Jadual Pelaksanaan Tugas Projek adalah seperti di **Lampiran 1**).
- 4.2 Tugas projek akan dimulakan pada bulan Mac hingga Mei setiap tahun.
- 4.3 Pentaksir sekolah adalah guru yang mengajar mata pelajaran Prinsip Perakaunan.
- 4.4 Penilaian tugas projek ini merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran.
- 4.5 Penilaian tugas projek ini dilakukan secara berterusan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 4.6 Elemen, aspek dan kriteria dalam buku Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Projek ini hendaklah dimaklumkan kepada calon.
- 4.7 Soalan tugas boleh dimuat turun daripada laman web Lembaga Peperiksaan di <http://lp.moe.gov.my/>
- 4.8 Skor bagi setiap calon hendaklah dimasukkan ke dalam Borang Pentaksiran Individu seperti di **Lampiran 5**.

5.0 MAKLUMAT KEPADA CALON

- 5.1 Calon wajib melaksana dan menyelesaikan tugas projek Prinsip Perakaunan 3756/3 secara individu.
- 5.2 Penilaian akan dibuat berdasarkan proses kerja dan hasil kerja akhir calon.
- 5.3 Penilaian hasil kerja calon dan pemberian skor akan dilakukan sepanjang masa tugas projek dilaksanakan.
- 5.4 Pemberian markah dan gred keseluruhan dibuat setelah tugas projek disiapkan.
- 5.5 Calon dikehendaki menandatangani perakuan tentang ketulenan tugas projek yang dihasilkan (**Lampiran 2**).
- 5.6 Calon dikehendaki melaksanakan tugas projek ini dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan.

6.0 MAKLUMAT KEPADA PENTAKSIR SEKOLAH (GURU)

6.1 Perancangan dan Pelaksanaan

- 6.1.1 Guru hendaklah memberikan penerangan yang jelas kepada calon tentang perancangan dan pelaksanaan keseluruhan tugas projek.
- 6.1.2 Guru hendaklah memastikan setiap calon menyediakan Profil Perniagaan serta Senarai Semak dan Penilaian Guru (**Lampiran 3** dan **Lampiran 4**).
- 6.1.3 Guru hendaklah membimbing calon supaya dapat mematuhi jadual kerja dalam melaksanakan tugas projek dengan penuh tanggungjawab.
- 6.1.4 Guru hendaklah membuat penilaian kerja calon secara berterusan serta melaksanakan Pentaksiran Terkawal (*Controlled Assessment*).
- 6.1.5 Pihak pengurusan sekolah diminta menyediakan kemudahan komputer atau makmal komputer untuk murid menyempurnakan tugas projek 3756/3. Oleh itu, dicadangkan jadual penggunaan makmal komputer sekolah disediakan lagi memastikan calon berjaya menyiapkan tugas projek 3756/3 dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 6.1.6 Guru juga hendaklah melaksanakan pentaksiran yang adil dan saksama serta mempunyai integriti yang tinggi.

6.2 Penilaian

- 6.2.1 Guru dikehendaki mengisi Borang Pentaksiran Individu (**Lampiran 5**). Gred dan skor bagi setiap aspek yang dinilai hendaklah diisi dalam borang berkenaan.
- 6.2.2 Aktiviti pengesanan, pemantauan dan penyetaraan akan dilaksanakan oleh pegawai yang dilantik oleh Lembaga Peperiksaan.
- 6.2.3 Guru hendaklah mengambil tindakan pembedahan dengan segera terhadap sebarang komen atau nasihat daripada pegawai berkenaan.
- 6.2.4 Guru dikehendaki mencetak Borang Rumusan Skor Tugas Projek Prinsip Perakaunan (**Lampiran 6**).
- 6.2.5 Borang Rumusan Skor Tugas Projek yang telah dicetak hendaklah disahkan oleh Pengetua. Borang ini hendaklah difailkan dan disimpan di tempat yang selamat di sekolah.
- 6.2.6 Hasil kerja calon (evidens) mesti disimpan di tempat yang berkunci selama 6 bulan selepas keputusan peperiksaan SPM diumumkan.
- 6.2.7 Guru juga mestilah memasukkan skor projek calon secara atas talian pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan. Maklumat lanjut akan diberikan oleh Sektor Penilaian dan Peperiksaan (SPP), Jabatan Pelajaran Negeri.

7.0 ELEMEN DAN ASPEK YANG DINILAI

Elemen 1.0: Pengetahuan dan Kefahaman

- 1.1 Pengenalan Perniagaan
- 1.2 Profil Perniagaan

Elemen 2.0: Kemahiran Mengaplikasi

- 2.1 Dokumen Perniagaan/urus niaga
- 2.2 Buku Catatan Pertama
- 2.3 Lejar
- 2.4 Imbangan Duga
- 2.5 Penilaian Inventori Akhir
- 2.6 Pelarasan
- 2.7 Jurnal Am Pelarasan
- 2.8 Lejar Pelarasan
- 2.9 Akaun Kawalan
- 2.10 Imbangan Duga Terselaras
- 2.11 Akaun Perdagangan dan Untung Rugi
- 2.12 Penyata Kedudukan Kewangan
- 2.13 Menghitung Nisbah dalam Penyata Kewangan
- 2.14 Belanjawan Tunai

Elemen 3.0: Kemahiran Menganalisis

- 3.1 Analisis Penyata Kewangan dan Analisis Nisbah

Elemen 4.0: Kemahiran Menilai

- 4.1 Cadangan Jangka Pendek
- 4.2 Cadangan Jangka Panjang
- 4.3 Rumusan


Elemen 5.0: Kemahiran Komunikasi dan Penggunaan Teknologi Maklumat (TMK)

- 5.1 Komunikasi
- 5.2 Penggunaan Komputer

Elemen 6.0: Nilai Murni dalam Perakaunan

- 6.1 Sistematis
- 6.2 Akauntabiliti
- 6.3 Rasional
- 6.4 Ketepatan

8.0 CARTA ALIR PENTAKSIRAN TERKAWAL (CONTROLLED ASSESSMENT)



Tahap Kawalan:

T (Tinggi) - Kawalan pada tahap tinggi

S (Sederhana) - Kawalan pada tahap sederhana

R (Rendah) - Kawalan pada tahap rendah

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

9.0 KRITERIA PENILAIAN

Elemen 1.0 : Pengetahuan dan Kefahaman

| Bil. | Aspek | Gred | Kriteria | Catatan |
|------|-----------------------|------|---|--------------------|
| 1.1 | Pengenalan Perniagaan | A | (i) Menyatakan dengan jelas pengenalan perniagaan. (ii) Menyatakan dua sebab memilih perniagaan. (iii) Menyatakan satu kelebihan menjalankan perniagaan tersebut. (iv) Menyatakan satu risiko yang bakal dihadapi. | Rujuk tugas projek |
| | | B | (i) Menyatakan dengan jelas pengenalan perniagaan. (ii) Menyatakan dua sebab memilih perniagaan. (iii) Menyatakan satu kelebihan menjalankan perniagaan tersebut. | |
| | | C | (i) Menyatakan dengan jelas pengenalan perniagaan. (ii) Menyatakan dua sebab memilih perniagaan. | |
| | | D | Menyatakan dengan jelas pengenalan perniagaan. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |
| 1.2 | Profil Perniagaan | A | Profil perniagaan dinyatakan dengan lengkap dan jelas. | Rujuk Lampiran |
| | | B | Profil perniagaan dinyatakan dengan jelas tetapi tertinggal atau tersilap satu item | |
| | | C | Profil perniagaan dinyatakan tetapi tertinggal atau tersilap dua item | |
| | | D | Profil perniagaan dinyatakan tetapi tertinggal atau tersilap lebih daripada dua item. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

Elemen 2.0 : Kemahiran Mengaplikasi

| Bil. | Aspek | Gred | Kriteria | Catatan |
|------|------------------------------------|----------|---|----------------------------|
| 2.1 | Dokumen Perniagaan / Urus Niaga | A | (i) Berkeupayaan melengkap dan menyediakan urus niaga yang diberi dengan tepat dan betul. (ii) Melengkapkan dokumen perniagaan berdasarkan urus niaga dengan tepat dan betul. | Rujuk tugasan projek |
| | | B | (i) Berkeupayaan melengkap dan menyediakan urus niaga yang diberi dengan tepat tetapi tidak betul. (ii) Melengkapkan dokumen perniagaan berdasarkan urus niaga tetapi tidak betul. | |
| | | C | (i) Berkeupayaan melengkap dan menyediakan sebahagian urus niaga yang diberi dengan tepat. (ii) Melengkapkan sebahagian dokumen perniagaan berdasarkan urus niaga dengan tepat. | |
| | | D | (i) Berkeupayaan melengkap dan menyediakan sebahagian urus niaga yang diberi tetapi tidak tepat. (ii) Melengkapkan sebahagian dokumen perniagaan berdasarkan urus niaga tetapi tidak tepat. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |

Elemen 2.0 : Kemahiran Mengaplikasi

| Bil. | Aspek | Gred | Kriteria | Catatan |
|------|----------------------|------|--|--------------------|
| 2.2 | Buku Catatan Pertama | A | Berkeupayaan mencatatkan semua urusan niaga dalam Buku Catatan Pertama dengan lengkap dan tepat | Rujuk tugas projek |
| | | B | Berkeupayaan mencatatkan semua urusan niaga dalam Buku Catatan Pertama dengan lengkap tetapi tidak tepat. | |
| | | C | Berkeupayaan mencatatkan sebahagian urusan niaga dalam Buku Catatan Pertama dengan lengkap dan tepat. | |
| | | D | Berkeupayaan mencatatkan sebahagian urusan niaga dalam Buku Catatan Pertama dengan lengkap tetapi tidak tepat. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan | |
| 2.3 | Lejar | A | Berkeupayaan mengesposkan semua catatan dalam Buku Catatan Pertama ke akaun berkaitan dengan lengkap dan tepat. | Rujuk tugas projek |
| | | B | Berkeupayaan mengesposkan semua catatan dalam Buku Catatan Pertama ke akaun berkaitan dengan lengkap tetapi tidak tepat. | |
| | | C | Berkeupayaan mengesposkan sebahagian catatan dalam Buku Catatan Pertama ke akaun berkaitan dengan lengkap dan tepat | |
| | | D | Berkeupayaan mengesposkan catatan dalam Buku Catatan Pertama ke akaun berkaitan tetapi tidak lengkap dan tidak tepat | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan | |
| 2.4 | Imbangan Duga | A | Berkeupayaan menyediakan Imbangan Duga dengan lengkap dan tepat. | Rujuk 2.2 dan 2.3 |
| | | B | Berkeupayaan menyediakan Imbangan Duga dengan lengkap tetapi tidak tepat. | |
| | | C | Berkeupayaan menyediakan sebahagian Imbangan Duga dengan lengkap dan tepat. | |
| | | D | Berkeupayaan menyediakan Imbangan Duga tetapi tidak lengkap dan tidak tepat. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

| Bil. | Aspek | Gred | Kriteria | Catatan |
|------|---------------------------|------|--|--|
| 2.5 | Penilaian Inventori Akhir | A | (i) Berkeupayaan merekod dan mengira inventori dengan lengkap dan tepat dalam kad inventori. (ii) Menilai inventori akhir dengan tepat. | Rujuk Lampiran B Inventori akhir dinilai pada harga terendah sama ada harga kos atau harga pasaran |
| | | B | (i) Berkeupayaan merekod dan mengira inventori dalam kad inventori dengan lengkap tetapi tidak tepat. (ii) Menilai inventori akhir. | |
| | | C | Berkeupayaan merekod dan mengira sebahagian inventori dalam kad inventori dengan tepat. | |
| | | D | Berkeupayaan merekod dan mengira sebahagian inventori tetapi tidak lengkap dan tidak tepat. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |
| 2.6 | Pelarasan | A | Berkeupayaan menyediakan semua pelarasan dengan lengkap dan tepat. | Tepat: mengikut kehendak dalam tugas projek Tunjukkan jalan kerja |
| | | B | Berkeupayaan menyediakan semua pelarasan dengan lengkap tetapi tidak tepat. | |
| | | C | Berkeupayaan menyediakan sebahagian pelarasan dengan tepat. | |
| | | D | Berkeupayaan menyediakan sebahagian pelarasan tetapi tidak tepat. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |
| 2.7 | Jurnal Am Pelarasan | A | Berkeupayaan merekod semua pelarasan ke Jurnal Am dengan lengkap dan tepat. | Rujuk 2.6 Lengkap dan Tepat: tarikh, butir, folio, angka dan catatan debit dan kredit yang betul keterangan diperlukan |
| | | B | Berkeupayaan merekod semua pelarasan ke Jurnal Am dengan lengkap tetapi tidak tepat. | |
| | | C | Berkeupayaan merekod sebahagian pelarasan ke Jurnal Am dengan tepat. | |
| | | D | Berkeupayaan merekod sebahagian pelarasan ke Jurnal Am tetapi tidak tepat. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

| Bil. | Aspek | Gred | Kriteria | Catatan |
|------|--------------------------|------|---|---|
| 2.8 | Lejar Pelarasan | A | Berkeupayaan memindahkan semua catatan Jurnal Am ke akaun yang berkaitan dengan lengkap dan tepat. | Rujuk 2.7 Lengkap dan tepat: tarikh, butir, folio dan angka mesti betul Lejar perlu diimbangkan |
| | | B | Berkeupayaan memindahkan semua catatan Jurnal Am ke akaun yang berkaitan dengan lengkap tetapi tidak tepat. | |
| | | C | Berkeupayaan memindahkan sebahagian catatan Jurnal Am ke akaun yang berkaitan dengan tepat. | |
| | | D | Berkeupayaan memindahkan sebahagian catatan Jurnal Am ke akaun yang berkaitan tetapi tidak tepat. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |
| 2.9 | Akaun Kawalan | A | Berkeupayaan menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima dan Akaun Kawalan Belum Bayar dengan lengkap dan tepat. | Lengkap dan tepat: tarikh, butir, folio dan angka mesti betul Akaun Kawalan perlu diimbangkan |
| | | B | Berkeupayaan menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima dan Akaun Kawalan Belum Bayar dengan lengkap tetapi tidak tepat. | |
| | | C | Berkeupayaan menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima dan Akaun Kawalan Belum Bayar tetapi tidak lengkap dan tidak tepat. | |
| | | D | Berkeupayaan menyediakan Akaun Kawalan. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |
| 2.10 | Imbangan Duga Terselaras | A | Berkeupayaan menyediakan Imbangan Duga Terselaras dengan lengkap dan tepat | Rujuk 2.2, 2.3, 2.4, 2.7, 2.8 dan 2.9 (mana-mana yang berkaitan) |
| | | B | Berkeupayaan menyediakan Imbangan Duga Terselaras dengan lengkap tetapi tidak tepat. | |
| | | C | Berkeupayaan menyediakan sebahagian Imbangan Duga Terselaras dengan tepat. | |
| | | D | Berkeupayaan menyediakan sebahagian Imbangan Duga Terselaras tetapi tidak tepat. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

| Bil. | Aspek | Gred | Kriteria | Catatan |
|------|-----------------------------------|------|---|---|
| 2.11 | Akaun Perdagangan dan Untung Rugi | A | Berkeupayaan menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi dengan lengkap dan tepat. | Rujuk 2.10 Tidak tepat: • salah komponen • butiran asing • angka berbeza dari Imbangan Duga Terselaras • operasi Lengkap: - nama perniagaan - tajuk - komponen |
| | | B | Berkeupayaan menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi dengan lengkap tetapi tidak tepat. | |
| | | C | Berkeupayaan menyediakan sebahagian Akaun Perdagangan dan Untung Rugi dengan tepat. | |
| | | D | Berkeupayaan menyediakan sebahagian Akaun Perdagangan dan Untung Rugi tetapi tidak lengkap dan tidak tepat. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |
| 2.12 | Penyata Kedudukan Kewangan | A | Berkeupayaan menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan dengan lengkap dan tepat. | Rujuk 2.10 Tidak tepat: • salah komponen • butiran asing • angka berbeza dari Imbangan Duga Terselaras • operasi |
| | | B | Berkeupayaan menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan dengan lengkap tetapi tidak tepat. | |
| | | C | Berkeupayaan menyediakan sebahagian Penyata Kedudukan Kewangan dengan tepat. | |
| | | D | Berkeupayaan menyediakan sebahagian Penyata Kedudukan Kewangan tetapi tidak lengkap dan tidak tepat. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |

| Bil. | Aspek | Gred | Kriteria | Catatan |
|------|--|------|---|--|
| 2.13 | Menghitung Nisbah dalam Penyata Kewangan | A | Berkebolehan menghitung dengan tepat sekurang-kurangnya satu nisbah bagi setiap jenis nisbah berikut: (i) Nisbah keberuntungan (ii) Nisbah kecairan (iii) Nisbah kecekapan | Rujuk 2.11 dan 2.12 Rumus dan jalan kerja mesti ditunjukkan |
| | | B | Berkebolehan menghitung mana-mana dua jenis nisbah dengan tepat. | |
| | | C | Menghitung satu jenis nisbah dengan tepat. | |
| | | D | Menghitung nisbah tetapi tidak tepat | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |

ATAU

| Bil. | Aspek | Gred | Kriteria | Catatan |
|------|---|------|---|--|
| 2.13 | Menghitung Titik Pulang Modal dan Nisbah dalam Penyata Kewangan | A | (i) Berkebolehan menghitung titik pulang modal dengan tepat (ii) Berkebolehan menghitung dengan tepat sekurang-kurangnya satu nisbah bagi setiap jenis nisbah berikut: • Nisbah keberuntungan • Nisbah kecairan • Nisbah kecekapa | Rujuk 2.11 dan 2.12 Rumus dan jalan kerja mesti ditunjukkan Kaedah margin caruman atau kaedah graf |
| | | B | (i) Berkebolehan menghitung titik pulang modal dengan tepat. (ii) Berkebolehan menghitung mana-mana dua jenis nisbah dengan tepat. | |
| | | C | (i) Berkebolehan menghitung titik pulang modal tetapi tidak tepat. (ii) Berkebolehan menghitung satu jenis nisbah dengan tepat. | |
| | | D | Berkebolehan menghitung titik pulang modal atau nisbah tetapi tidak tepat. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |

| Bil. | Aspek | Gred | Kriteria | Catatan |
|------|------------------|------|---|---|
| 2.14 | Belanjawan Tunai | A | Berkeupayaan menyediakan Belanjawan Tunai berdasarkan semua maklumat yang diberi dengan format yang betul dan tepat. | Rujuk tugas projek Operasi mesti betul |
| | | B | Berkeupayaan menyediakan Belanjawan Tunai berdasarkan semua maklumat yang diberi dengan format yang betul. | |
| | | C | Berkeupayaan menyediakan Belanjawan Tunai berdasarkan sebahagian maklumat yang diberi dengan format yang betul dan tepat. | |
| | | D | Menyediakan Belanjawan Tunai yang tidak lengkap dan tidak tepat. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |

Elemen 3.0 : Kemahiran Menganalisis

| Bil. | Aspek | Gred | Kriteria | Catatan |
|------|---|------|--|---------|
| 3.1 | Analisis Penyata Kewangan dan Analisis Nisbah | A | Berkebolehan mentafsir dan merumus dengan tepat sekurang-kurangnya satu nisbah bagi setiap jenis nisbah berikut: (i) Nisbah keberuntungan (ii) Nisbah kecairan (iii) Nisbah kecekapan | |
| | | B | Berkebolehan mentafsir dan merumus mana-mana dua jenis nisbah dengan betul. | |
| | | C | Berkebolehan mentafsir dan merumus Mana-mana satu jenis nisbah dengan betul. | |
| | | D | Berkebolehan mentafsir dan merumus mana-mana satu jenis nisbah tetapi jawapan tidak betul. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |

Elemen 4.0 : Kemahiran Menilai

| Bil. | Aspek | Gred | Kriteria | Catatan |
|------|-------------------------|------|--|------------|
| 4.1 | Cadangan Jangka Pendek | A | Berkeupayaan mengemukakan sekurang-kurangnya tiga cadangan yang relevan untuk meningkatkan prestasi jangka pendek perniagaan. | Rujuk 3.1 |
| | | B | Berkeupayaan mengemukakan sekurang-kurangnya dua cadangan yang relevan untuk meningkatkan prestasi semasa perniagaan. | |
| | | C | Berkeupayaan mengemukakan sekurang-kurangnya satu cadangan yang relevan untuk meningkatkan prestasi semasa perniagaan. | |
| | | D | Mengemukakan cadangan tetapi tidak relevan. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |
| 4.2 | Cadangan Jangka Panjang | A | Berkeupayaan mengemukakan sekurang-kurangnya tiga cadangan yang relevan untuk meningkatkan prestasi jangka panjang perniagaan. | Rujuk 2.14 |
| | | B | Berkeupayaan mengemukakan sekurang-kurangnya dua cadangan yang relevan untuk meningkatkan prestasi jangka panjang perniagaan | |
| | | C | Berkeupayaan mengemukakan sekurang-kurangnya satu cadangan yang relevan untuk meningkatkan prestasi jangka panjang perniagaan. | |
| | | D | Mengemukakan cadangan tetapi tidak relevan. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |

| Bil. | Aspek | Gred | Kriteria | Catatan |
|------|---------|------|---|--|
| 4.3 | Rumusan | A | (i) Berkebolehan menghubungkan tiga konsep, prinsip dan andaian perakaunan yang relevan dengan betul dan tepat. (ii) Berkebolehan menghubungkan tiga elemen merentas kurikulum (EMK) dengan betul. | Rujuk Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) • muka surat 12-14 Contoh: - Bahasa - Alam sekitar - Keusahawanan - Nilai murni - Kreativiti dan inovasi - TMK - Kewangan • Rujuk Standard Prestasi muka surat 24 (Tafsiran Analisis Nisbah) |
| | | B | (i) Berkebolehan menghubungkan dua konsep, prinsip dan andaian perakaunan yang relevan dengan betul dan tepat. (ii) Berkebolehan menghubungkan dua elemen merentas kurikulum (EMK) dengan betul. | |
| | | C | (i) Berkebolehan menghubungkan satu konsep, prinsip dan andaian perakaunan yang relevan dengan betul dan tepat. (ii) Berkebolehan menghubungkan satu elemen merentas kurikulum (EMK) dengan betul. | |
| | | D | Mengemukakan konsep, prinsip dan andaian perakaunan tetapi tidak relevan. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |

Elemen 5.0 : Kemahiran Komunikasi dan Penggunaan Teknologi Maklumat (TMK)

| Bil. | Aspek | Gred | Kriteria | Catatan |
|-------------|---------------------|-------------|---|---|
| 5.1 | Komunikasi | A | Berkebolehan mempamerkan kemahiran komunikasi secara lisan dan bukan lisan dalam semua aspek dengan lancar. | Rujuk jadual pelaksanaan tugas projek |
| | | B | Berkebolehan mempamerkan kemahiran komunikasi secara lisan dan bukan lisan dalam sebahagian aspek. | |
| | | C | Berkebolehan mempamerkan kemahiran komunikasi secara lisan dan bukan lisan dalam mana-mana satu aspek. | |
| | | D | Berkebolehan mempamerkan kemahiran komunikasi secara minima | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |
| 5.2 | Penggunaan Komputer | A | Berkebolehan menyediakan semua aspek dalam tugas projek dengan berbantuan komputer. | Semua aspek : • Elemen 1.0 • Elemen 2.0 • Elemen 3.0 • Elemen 4.0 |
| | | B | Berkebolehan menyediakan sekurang-kurangnya lima belas aspek dalam tugas projek dengan berbantuan komputer | |
| | | C | Berkebolehan menyediakan sekurang-kurangnya sepuluh aspek dalam tugas projek dengan berbantuan komputer. | |
| | | D | Berkebolehan menyediakan sekurang-kurangnya lima aspek dalam tugas projek dengan berbantuan komputer. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

Elemen 6.0 : Nilai Murni Dalam Perakaunan

| Bil. | Aspek | Gred | Kriteria | Catatan |
|-------------|--------------|-------------|---|--------------------------------------|
| 6.1 | Sistematik | A | (i) Berkeupayaan menyediakan akaun dalam lejar am mengikut urutan dan kitaran perakaunan dengan tepat dan betul. (ii) Berkeupayaan menghasilkan tugas projek dan menyusun isi kandungan secara kemas, lengkap dan teratur. | Rujuk hasil tugas projek akhir calon |
| | | B | (i) Berkeupayaan menyediakan akaun dalam lejar am mengikut urutan dan kitaran perakaunan yang betul. (ii) Tugas tidak disusun secara teratur dan sistematik. | |
| | | C | (i) Berkeupayaan menyediakan sebahagian akaun dalam lejar am mengikut urutan dan kitaran perakaunan dengan tepat dan betul. | |
| | | D | Berkeupayaan menyediakan sebahagian akaun dalam lejar am mengikut urutan dan kitaran dengan betul. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |

| Bil. | Aspek | Gred | Kriteria | Catatan |
|------|---------------|----------|--|--|
| 6.2 | Akauntabiliti | A | (i) Hasil tugas adalah hasil kerja sendiri. (ii) Menepati jadual kerja yang ditetapkan. (iii) Sentiasa melaksanakan tugas projek dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah | Hasil tugas: Draf bertulis tangan dan tugas akhir bercetak mesti sama |
| | | B | (i) Hasil tugas adalah hasil kerja sendiri. (ii) Menepati sebahagian jadual kerja yang ditetapkan. (iii) Sentiasa melaksanakan tugas projek dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah | |
| | | C | (i) Hasil tugas adalah hasil kerja sendiri. (ii) Menepati sebahagian jadual kerja yang ditetapkan | |
| | | D | (i) Plagiat. (ii) Menepati sebahagian jadual kerja yang ditetapkan. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |

| Bil. | Aspek | Gred | Kriteria | Catatan |
|------|----------|----------|--|---------------------------------|
| 6.3 | Rasional | A | (i) Mengamalkan semua proses perekodan mengikut konsep dan prinsip perakaunan. (ii) Berkeupayaan membuat semua pelarasan yang rasional. (iii) Membuat keputusan dan perancangan perniagaan yang rasional. | Perkara (iii) rujuk 4.1 dan 4.2 |
| | | B | (i) Mengamalkan sebahagian proses perekodan mengikut konsep dan prinsip perakaunan. (ii) Berkeupayaan membuat semua pelarasan yang rasional. (iii) Membuat keputusan dan perancangan perniagaan yang rasional. | |
| | | C | (i) Mengamalkan sebahagian proses perekodan mengikut konsep dan prinsip perakaunan. (ii) Berkeupayaan membuat sebahagian pelarasan yang rasional. (iii) Membuat keputusan dan perancangan perniagaan | |
| | | D | Mengamalkan sebahagian proses perekodan mengikut konsep dan prinsip perakaunan. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |

| Bil. | Aspek | Gred | Kriteria | Catatan |
|------|-----------|----------|---|---------------------------------------|
| 6.4 | Ketepatan | A | (i) Menyiapkan tugas projek dalam tempoh masa yang ditetapkan (hasil kerja akhir). (ii) Menepati jadual kerja yang ditetapkan | Rujuk jadual pelaksanaan tugas projek |
| | | B | (i) Menyiapkan tugas projek dalam tempoh masa yang ditetapkan (hasil kerja akhir). (ii) Menepati sebahagian jadual kerja yang ditetapkan. | |
| | | C | (i) Menyiapkan tugas projek dalam tempoh masa yang ditetapkan (hasil kerja akhir). (ii) Tidak menepati jadual kerja yang ditetapkan | |
| | | D | (i) Tidak menyiapkan tugas projek dalam tempoh masa yang ditetapkan (hasil kerja akhir). (ii) Tidak menepati jadual kerja yang ditetapkan. | |
| | | E | Tiada evidens dikemukakan. | |

10.0 PENGIRAAN SKOR ELEMEN DAN JUMLAH SKOR ELEMEN

- 10.1 Pentaksir memberikan gred bagi setiap aspek dalam elemen yang diuji mengikut kriteria yang telah ditetapkan.
- 10.2 Tukarkan gred tiap-tiap aspek yang diperoleh ke dalam nilai numerik seperti dalam jadual di bawah.

| Gred Elemen | Nilai Numerik (n) |
|----------------------|---|
| A | 4 |
| B | 3 |
| C | 2 |
| D | 1 |
| E (Tiada evidens) | 0 (Pelajar tidak mengemukakan sebarang kriteria untuk dinilai) |

- 10.3 Darabkan nilai numerik (n) dengan wajaran (w) sesuatu aspek.
- 10.4 Jumlahkan nilai ($n \times w$) bagi semua aspek berkenaan untuk mendapatkan Skor Elemen.
- 10.5 Contoh pengiraan Skor Elemen adalah seperti berikut:

Elemen 6.0 Nilai Murni dalam Perakaunan

| Bil. | Aspek | Gred | Nilai (n) | Wajaran (w) | Skor Diperoleh ($n \times w$) |
|--------------------|---------------|------|---------------|-----------------|---------------------------------|
| 6.1 | Sistematik | A | 4 | 1 | 4 |
| 6.2 | Akauntabiliti | B | 3 | 1 | 3 |
| 6.3 | Rasional | B | 3 | 1 | 3 |
| 6.4 | Ketepatan | B | 3 | 1 | 3 |
| Skor Elemen | | | | | 13 |

- 10.6 Pindahkan skor elemen ke dalam jadual Jumlah Skor Elemen seperti contoh di bawah.

Jumlah Skor Elemen

| Bil. | Elemen | Skor Penuh | Skor Diperoleh ($n \times w$) |
|---------------------------|--|------------|---------------------------------|
| 1.0 | Pengetahuan dan Kefahaman | 8 | 8 |
| 2.0 | Kemahiran Mengaplikasi | 148 | 148 |
| 3.0 | Kemahiran Menganalisis | 4 | 4 |
| 4.0 | Kemahiran Menilai | 12 | 12 |
| 5.0 | Kemahiran Komunikasi dan Teknologi Maklumat Penggunaan (TMK) | 12 | 12 |
| 6.0 | Nilai Murni dalam Perakaunan | 16 | 13 |
| Jumlah Skor Elemen | | 200 | 197 |

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

11.0 PELAPORAN

- 11.1 Skor tugas Kertas 3 Prinsip Perakaunan ini akan diambil kira dalam penentuan gred SPM calon.
- 11.2 Skor pencapaian calon yang telah melaksanakan tugas ini didefinisikan seperti berikut:

| Julat Skor | Definisi |
|-------------------|-------------------------------------|
| 151 - 200 | Cemerlang |
| 101 - 150 | Kepujian |
| 51 - 100 | Memuaskan |
| 1 - 50 | Tidak mencapai tahap yang memuaskan |
| 0 | Gagal |

- 11.3 Skor ini akan direkod dan dihantar ke Lembaga Peperiksaan secara atas talian.

Jadual Pelaksanaan Tugas Projek

| PROSES TUGASAN | MAC | | | | APR | | | | MEI | | | |
|---|------------------------|---|---|---|-----|---|---|---|-----|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 |
| Perancangan Awal | | | | | | | | | | | | |
| Taklimat oleh Guru | | | | | | | | | | | | |
| Mengetahui dan Memahami | | | | | | | | | | | | |
| Pengenalan Perniagaan | | | | | | | | | | | | |
| Profil Perniagaan | | | | | | | | | | | | |
| Mengaplikasi | | | | | | | | | | | | |
| Dokumen Perniagaan / Urus niaga | | | | | | | | | | | | |
| Buku Catatan Pertama | | | | | | | | | | | | |
| Lejar | | | | | | | | | | | | |
| Imbangan Duga | | | | | | | | | | | | |
| Penilaian Inventori Akhir | | | | | | | | | | | | |
| Pelarasan | | | | | | | | | | | | |
| Jurnal Am Pelarasan | | | | | | | | | | | | |
| Lejar Pelarasan | | | | | | | | | | | | |
| Akaun Kawalan | | | | | | | | | | | | |
| Imbangan Duga Terselaras | | | | | | | | | | | | |
| Akaun Perdagangan dan Untung Rugi | | | | | | | | | | | | |
| Penyata Kedudukan Kewangan | | | | | | | | | | | | |
| Menghitung Nisbah dalam Penyata Kewangan / TPM | | | | | | | | | | | | |
| Belanjawan Tunai | | | | | | | | | | | | |
| Menganalisis | | | | | | | | | | | | |
| Analisis Penyata Kewangan dan Analisis Nisbah | | | | | | | | | | | | |
| Menilai | | | | | | | | | | | | |
| Cadangan Jangka Pendek | | | | | | | | | | | | |
| Cadangan Jangka Panjang | | | | | | | | | | | | |
| Rumusan | | | | | | | | | | | | |
| Komunikasi dan Penggunaan Teknologi Maklumat (TMK) | | | | | | | | | | | | |
| Komunikasi | | | | | | | | | | | | |
| Penggunaan Komputer | | | | | | | | | | | | |
| Nilai Murni dalam Perakaunan | | | | | | | | | | | | |
| Pengurusan dan Penilaian | | | | | | | | | | | | |
| Pengumpulan dan Semakan Tugas | | | | | | | | | | | | |
| Penilaian dan Pentaksiran | | | | | | | | | | | | |
| Kemasukan Markah ke Borang Pentaksiran Individu | | | | | | | | | | | | |
| Kemasukan Markah secara atas talian ke LP | Sebelum 31 Ogos | | | | | | | | | | | |

[Lihat halaman sebelah
TERHAD



**Perakuan Calon
Ketulenan Projek Kertas 3756/3
Sijil Pelajaran Malaysia
Tahun 2019**

Saya memperakui bahawa Projek yang dikemukakan untuk memenuhi syarat Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2019 bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan 3756 adalah tulen.

Nama Sekolah :

Nama Calon :

No. Kad Pengenalan :

Angka Giliran Calon :

Tandatangan Calon :

Tarikh :

Borang perakuan ini mestilah disertakan di bahagian hadapan Tugas Projek.

Profil Perniagaan

| | | |
|----|------------------------------|--|
| 1 | Nama Perniagaan | |
| 2 | Nama Pemilik | |
| 3 | Lokasi / Alamat | |
| 4 | Jenis Perniagaan | |
| 5 | Tempoh Perakaunan | |
| 6 | Tempoh Rekod | |
| 7 | Modal Perniagaan | |
| 8 | Jumlah Pekerja dan Gaji (RM) | |
| 9 | Status Perniagaan | |
| 10 | Nama dan Alamat Bank | |
| 11 | Nombor Akaun | |

Senarai Semak dan Penilaian Guru

Nama Calon : _____

| | PROSES TUGASAN | Semakan 1 | | Semakan 2 | | Semakan 3 | |
|----|---|-----------|--------|-----------|--------|-----------|--------|
| | | Gred | Tarikh | Gred | Tarikh | Gred | Tarikh |
| | Mengetahui dan Memahami | | | | | | |
| 1 | Pengenalan Perniagaan | | | | | | |
| 2 | Profil Perniagaan | | | | | | |
| | Mengaplikasi | | | | | | |
| 3 | Dokumen Perniagaan / Urus niaga | | | | | | |
| 4 | Buku Catatan Pertama | | | | | | |
| 5 | Lejar | | | | | | |
| 6 | Imbangan Duga | | | | | | |
| 7 | Penilaian Inventori Akhir | | | | | | |
| 8 | Pelarasan | | | | | | |
| 9 | Jurnal Am Pelarasan | | | | | | |
| 10 | Lejar Pelarasan | | | | | | |
| 11 | Akaun Kawalan | | | | | | |
| 12 | Imbangan Duga Terselaras | | | | | | |
| 13 | Akaun Perdagangan dan Untung Rugi | | | | | | |
| 14 | Penyata Kedudukan Kewangan | | | | | | |
| 15 | Menghitung Nisbah dalam Penyata Kewangan / TPM | | | | | | |
| 16 | Belanjawan Tunai | | | | | | |
| | Menganalisis | | | | | | |
| 17 | Analisis Penyata Kewangan dan Analisis Nisbah | | | | | | |
| | Menilai | | | | | | |
| 18 | Cadangan Jangka Pendek | | | | | | |
| 19 | Cadangan Jangka Panjang | | | | | | |
| 20 | Rumusan | | | | | | |
| | Komunikasi dan Penggunaan Teknologi Maklumat (TMK) | | | | | | |
| 21 | Komunikasi | | | | | | |
| 22 | Penggunaan Komputer | | | | | | |
| | Nilai Murni dalam Perakaunan | | | | | | |
| 23 | Sistematik | | | | | | |
| 24 | Akauntabiliti | | | | | | |
| 25 | Rasional | | | | | | |
| 26 | Ketepatan | | | | | | |

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

Borang Penilaian Individu

Nama : _____
 No. Kad Pengenalan : _____
 Angka Giliran : _____

Elemen 1.0 Mengetahui dan Memahami

| Bil. | Aspek | Gred | Nilai (<i>n</i>) | Wajaran (<i>w</i>) | Skor Diperoleh (<i>n</i> × <i>w</i>) |
|--------------------|-----------------------|------|-----------------------|-------------------------|---|
| 1.1 | Pengenalan Perniagaan | | | 1 | |
| 1.2 | Profil Perniagaan | | | 1 | |
| Skor Elemen | | | | | |

Elemen 2.0 Kemahiran Mengaplikasi

| Bil. | Aspek | Gred | Nilai (<i>n</i>) | Wajaran (<i>w</i>) | Skor Diperoleh (<i>n</i> × <i>w</i>) |
|--------------------|--|------|-----------------------|-------------------------|---|
| 2.1 | Dokumen Perniagaan | | | 1 | |
| 2.2 | Buku Catatan Pertama | | | 3 | |
| 2.3 | Lejar | | | 4 | |
| 2.4 | Imbangan Duga | | | 2 | |
| 2.5 | Penilaian Inventori Akhir | | | 3 | |
| 2.6 | Pelarasan | | | 2 | |
| 2.7 | Jurnal Am Pelarasan | | | 2 | |
| 2.8 | Lejar Pelarasan | | | 3 | |
| 2.9 | Akaun Kawalan | | | 2 | |
| 2.10 | Imbangan Duga Terselaras | | | 2 | |
| 2.11 | Akaun Perdagangan dan Untung Rugi | | | 4 | |
| 2.12 | Penyata Kedudukan Kewangan | | | 4 | |
| 2.13 | Menghitung Nisbah dalam Penyata Kewangan | | | 1 | |
| 2.14 | Belanjawan Tunai | | | 2 | |
| Skor Elemen | | | | | |

[Lihat halaman sebelah
TERHAD

Elemen 3.0 Kemahiran Menganalisis

| Bil. | Aspek | Gred | Nilai (<i>n</i>) | Wajaran (<i>w</i>) | Skor Diperoleh (<i>n</i> × <i>w</i>) |
|--------------------|---|------|-----------------------|-------------------------|---|
| 3.1 | Analisis Penyata Kewangan dan Analisis Nisbah | | | 1 | |
| Skor Elemen | | | | | |

Elemen 4.0 Kemahiran Menilai

| Bil. | Aspek | Gred | Nilai (<i>n</i>) | Wajaran (<i>w</i>) | Skor Diperoleh (<i>n</i> × <i>w</i>) |
|--------------------|-------------------------|------|-----------------------|-------------------------|---|
| 4.1 | Cadangan Jangka Pendek | | | 1 | |
| 4.2 | Cadangan Jangka Panjang | | | 1 | |
| 4.3 | Rumusan | | | 1 | |
| Skor Elemen | | | | | |

Elemen 5.0 Kemahiran Komunikasi dan Penggunaan TMK

| Bil. | Aspek | Gred | Nilai (<i>n</i>) | Wajaran (<i>w</i>) | Skor Diperoleh (<i>n</i> × <i>w</i>) |
|--------------------|---------------------|------|-----------------------|-------------------------|---|
| 5.1 | Komunikasi | | | 2 | |
| 5.2 | Penggunaan Komputer | | | 1 | |
| Skor Elemen | | | | | |

Elemen 6.0 Nilai Murni dalam Perakaunan

| Bil. | Aspek | Gred | Nilai (<i>n</i>) | Wajaran (<i>w</i>) | Skor Diperoleh (<i>n</i> × <i>w</i>) |
|--------------------|---------------|------|-----------------------|-------------------------|---|
| 6.1 | Sistematik | | | 1 | |
| 6.2 | Akauntabiliti | | | 1 | |
| 6.3 | Rasional | | | 1 | |
| 6.4 | Ketepatan | | | 1 | |
| Skor Elemen | | | | | |

Jumlah Skor Elemen

| Bil. | Elemen | Skor Penuh | Skor Diperoleh ($n \times w$) |
|---------------------------|------------------------------|-------------------|---|
| 1.0 | Pengetahuan dan Kefahaman | 8 | |
| 2.0 | Kemahiran Mengaplikasi | 148 | |
| 3.0 | Kemahiran Menganalisis | 4 | |
| 4.0 | Kemahiran Menilai | 12 | |
| 5.0 | Kemahiran Penggunaan TMK | 12 | |
| 6.0 | Nilai Murni dalam Perakaunan | 16 | |
| Jumlah Skor Elemen | | 200 | |

| Personel | Nama | Tandatangan | Tarikh |
|-----------------|-------------|--------------------|---------------|
| Pentaksir | | | |



Borang Rumusan Skor Tugasan Projek

| Bil. | Nama Calon | Angka Giliran | Nombor K/P | Skor |
|------|------------|---------------|------------|------|
| 1 | | | | |
| 2 | | | | |
| 3 | | | | |
| 4 | | | | |
| 5 | | | | |
| 6 | | | | |
| 7 | | | | |
| 8 | | | | |
| 9 | | | | |
| 10 | | | | |
| 11 | | | | |
| 12 | | | | |
| 13 | | | | |
| 14 | | | | |
| 15 | | | | |

Dengan ini disahkan bahawa Projek Prinsip Perakaunan 3756/3 telah dilaksanakan dan maklumat di atas adalah benar.

Nama Sekolah :

Tandatangan Pentaksir :

Nama Pentaksir :

Tarikh :

Tandatangan Pengetua :

Nama Pengetua dan Cap Rasmi Sekolah :

Tarikh :